

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



DISEMBER 2018





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak

Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Program Sua Muka menjelajah ke Kampung Sukang	5 -7
PMB hargai usaha kerajaan membangun negara	7-9
Peserta PMB kunjungi agensi kerajaan dan swasta	10-11
Tingkat kesedaran awam mengenai bendera negara	12-13
Kongsi pengalaman yang berguna	13
Kursus tingkatkan kredibiliti para peserta	14-15
Kementerian Pertahanan - media kukuhkan hubungan	15-16
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Antara aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang tahun 2018	18-22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	22
Poster Jualan Buku-buku Terbitan Jabatan Penerangan	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Program Sua Muka menjelajah ke Kampung Sukang

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi

**J**ABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan Program Sua Muka atau lebih dikenali *Personal Contact* bagi Kampung Sukang yang diadakan di Rumah Besar Sukang, Kampung Sukang, Daerah Belait pada hari Isnin, 17 Disember.

Mengetuai rombongan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Ibu Pejabat dan Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Turut hadir ialah Pemangku Penghulu Mukim Sukang, Awang Haji Mohd. Noh bin Dato Maharaja Setia Dian, Pemangku Ketua Kampung Sukang/Ketua Rumah Panjang Biadong Ulu, Awang Lasit Anak Gelawing, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) serta penduduk-penduduk Kampung Sukang, Persatuan Pacuan Empat Roda (bagi membawa rombongan ke Kampung Sukang) dan wakil dari pihak Radio Televisyen Brunei (RTB).

Tujuan Program Sua Muka diadakan ialah untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan.

Pelbagai maklumat dikongsikan semasa program tersebut diadakan antaranya ialah aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan, bahan-bahan kepentingan nasional, berita palsu dan pembarigaan peralihan sistem analog ke digital dari pihak Radio Televisyen Brunei.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengetuai rombongan pada Program Sua Muka di Kampung Sukang.*



***PEMANGKU*** Penghulu Mukim Sukang, *Awang Haji Mohd. Noh bin Dato Maharaja Setia Dian* menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan Kampung Sukang.



***ANTARA*** yang hadir semasa Program Sua Muka bagi Kampung Sukang.



*BERGAMBAR ramai bersama penduduk Kampung Sukang.*

## **PMB hargai usaha kerajaan membangun negara**

**Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**P**ARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking menghadiri taklimat penerangan daripada beberapa agensi kerajaan yang dijemput di Dewan Serbaguna Mau, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait pada hari Selasa, 11 Disember.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi/Ketua Kampung Labi I. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Para peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Merangking, Awang Raimey bin Abdullah selaku Ketua Peserta Kampung Merangking dan Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Bukit Sawat, Awang Haji Junaidi bin Teradi, selaku Ketua Peserta Kampung Bukit Sawat berpeluang mendengarkan taklimat pada majlis tersebut.

Taklimat pada sebelah pagi dimulakan dengan sesi taklimat ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Timbalan Pengerusi PMB bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.

Sementara dalam sesi taklimat kedua dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, bertajuk ‘Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Muhammad Zaizul bin Haji Daud, antaranya menjelaskan mengenai penggunaan terasul dan bahasa pengganti diri (bahasa dalam).



*HADIR* selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi/Ketua Kampung Labi I. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



*SESI* taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Timbalan Pengerusi PMB bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.



Manakala pada sebelah petang pula, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat dari Darussalam Enterprise (DARe) di Auditorium, Anggerek Desa Technology Park yang disampaikan oleh Penasihat Perniagaan dan Perkhidmatan, DARE, Dayang Nazurah binti Razak.

Taklimat pada sebelah petang diakhiri dengan taklimat dari agensi JobCentre Brunei yang disampaikan oleh Dayang Qairawani binti Haji Yacob dengan tajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan'. Isi taklimat antaranya menyentuh mengenai dengan peranan JobCentre Brunei dalam membentuk anak tempatan mencari pekerjaan.

Tujuan PMB adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat, seperti melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan, dengan harapan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.



*ANTARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking menghadiri taklimat penerangan dari Darussalam Enterprise (DARE).*



*ANTARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.*

# Peserta PMB kunjungi agensi kerajaan dan swasta

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**J**ABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait pada hari Rabu, 12 Disember meneruskan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking untuk hari kedua dengan lawatan ke agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Memulakan lawatan dengan mengunjungi Radio Televisyen Brunei (RTB) di Bandar Seri Begawan.

Rombongan yang disertai seramai 52 orang terdiri dari penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.

Rombongan seterusnya melawat Kilang Kingston Beverages, Beribi dan para peserta juga berpeluang mengadakan lawatan ke kilang pemprosesan ais krim.

Pada sesi sebelah petang, para peserta dibawa melawat ke Muzium Teknologi Melayu dan berkesempatan mencuba permainan tradisional masyarakat Brunei, melawat dewan pameran yang menampilkan rumah Kampong Ayer dari tahun 40-an ke 70-an dan juga dewan pameran mengenai bidang pekerjaan masyarakat di Kampong Ayer serta reka bentuk rumah dan peralatan tradisional dari tujuh puak asli Brunei.

Seterusnya, rombongan melawat ke Muzium Maritim dan berpeluang menyaksikan khazanah-khazanah arkeologi maritim.



*ROMBONGAN semasa membuat lawatan ke Studio Rampai Pagi di RTB.*



*ROMBONGAN semasa mendengarkan taklimat ringkas di Kingston Beverages Beribi.*



*ROMBONGAN melawat dewan pameran yang menampilkan rumah Kampung Ayer dari tahun 40-an ke 70-an.*



*BERGAMBAR ramai di Muzeum Maritim.*

# Tingkat kesedaran awam mengenai bendera negara

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**S**EPERTIMANA lazimnya Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Jerayawara Penggunaan *Banner*, Bendera dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional bagi sesi pertama tahun 2018-2019 yang diadakan pada hari Khamis, 6 Disember di Dewan Serbaguna, Balai Polis Muara.

Taklimat menyentuh mengenai tatacara yang betul dalam penggunaan *Banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Hadir selaku ahli panel bagi sesi soal jawab ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Bandaran, dan Unit Stor dan Perbekalan Negara, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Jerayawara dihadiri seramai 65 orang terdiri daripada pengurus dan penyelia syarikat yang terpilih termasuk pengusaha kecil iaitu belia-belia tempatan dari 43 buah syarikat-syarikat perniagaan di kawasan Muara yang diadakan sebanyak enam kali setahun.

Objektif jerayawara tersebut diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *Banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional demi menjaga kehormatan negara, menanam tanggungjawab menghormati dan melindungi integriti bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam pada setiap masa dan memastikan penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional dilaksanakan mengikut garis panduan dan tatacara yang betul.



**KETUA** Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya ketika menyampaikan taklimat.



*ANTARA agensi kerajaan yang dijemput bagi sesi soal jawab.*

## Kongsi pengalaman yang berguna

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**S**ERAMAI 18 orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan yang terdiri daripada ketua bahagian Pelita Brunei, ketua-ketua meja, penyunting, *photojournalist* dan pemberita menghadiri sesi perkongsian bersama mantan Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim yang diadakan pada hari Sabtu, 29 Disember di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Antara yang dikongsikan ialah pengalaman beliau semasa bertugas di Pelita Brunei, maklumat berkaitan penulisan, nasihat dan komen yang membina mengenai penulisan serta komen dan cadangan penyelesaian pada masalah kualiti penulisan Pelita Brunei. Sesi soal jawab juga dibukakan sebelum mengakhiri sesi perkongsian berkenaan.

Majlis tersebut dipengerusikan oleh Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail.



*SESI bergambar ramai bersama mantan Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim.*

# Kursus tingkatkan kredibiliti para peserta

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Para peserta Kursus Induksi

**P**EGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan seramai empat orang menghadiri Kursus Induksi bermula 3-11 Disember yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam.

Kursus Induksi ini merangkumi taklimat dari Bahagian Promosi Kesihatan, Biro Mencegah Rasuah, Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Adat Istiadat, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Institut Perkhidmatan Awam.

Dengan adanya kursus sebegini dapat meningkatkan kredibiliti para peserta dalam menguruskan hal ehwal pekerjaan dengan bersistematik, bersemangat waja, berdaya saing secara sihat, bekerjasama dalam satu pasukan dan toleransi.



*SESI orientasi yang diadakan pada hari pertama Kursus Induksi.*





*PARA peserta Kursus Induksi menerima sijil setelah menamatkan kursus.*

## **Kementerian Pertahanan - media kukuhkan hubungan**

**Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Pertahanan**

**T**ANAH JAMBU, Khamis, 13 Disember. - Kementerian Pertahanan menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Media Tempatan dan Swasta di Negara Brunei Darussalam di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Kampung Tanah Jambu.

Antara wakil-wakil media yang hadir pada majlis bertema 'Rakan Media, Rakan Strategik' tersebut ialah Radio Televisyen Brunei (RTB); Jabatan Penerangan; Balai Kenangan Istana Nurul Iman; Borneo Bulletin; Media Permata; Sin Chiew News; United Daily; See Hua Daily News; The Scoop; Paragraph; dan The Bruneian.

Atur cara didahului dengan ucapan alu-aluan daripada Jurucakap Kementerian Pertahanan, Komander Norharirayati binti Yakub dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), diikuti dengan sesi dialog yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Awang Haji Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Dialog tersebut bertujuan untuk menggalakkan pertukaran pandangan dan fikiran yang membina bagi mengukuhkan hubungan di antara Kementerian Pertahanan dengan para media sambil meneroka bidang-bidang lain yang mempunyai potensi kerjasama atau perkongsian.

Sesi dialog diteruskan dengan Aktiviti Halangan (*Obstacle Course*) bagi memberikan peluang kepada para rakan media berinteraksi, sekali gus menimba pengalaman dalam salah satu latihan asas yang dijalankan di AP ABDB.



**MENTERI** Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat majlis ketika berinteraksi pada Majlis Ramah Mesra Bersama Media Tempatan dan Swasta di Negara Brunei Darussalam.



**TETAMU** kehormat majlis bergambar ramai dengan sebahagian daripada media tempatan.



**AKTIVITI** Halangan (Obstacle Course) yang disertai oleh para media tempatan.



**BERGAMBAR** ramai semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Media Tempatan dan Swasta.



# Peristiwa penting Jabatan Penerangan

## Wujudkan perasaan hormat-menghormati

Berakas, 7 Disember. — Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan hari ini berkata, dalam bernegara dan berkerajaan dalam apa keadaan pun, pemimpin dengan yang dipimpin adalah diwajibkan berbaik-baik dan saling hormat-menghormati.

Pemimpin, jelas Yang Dimuliakan Pehin, dituntut lemah-lembut sebab kalau dia bengis maka yang dipimpin tentu akan menjauhkan diri darinya.

Mereka juga dikehendaki sentiasa mengambil berat akan kesusahan dan keselamatan orang yang dipimpin, bersopan-santun dan menaruh simpati terhadap mereka.

Ajaran Allah mengenai hal ini, jelas Yang Dimuliakan Pehin, terkandung dalam ayat 159 Surah Ali Emran dan ayat 28 Surah At-Taubah.

Sebaliknya pula, orang yang dipimpin dikehendaki mema-

hami dan menghormati kedudukan pemimpinnya.

Sungguhpun pemimpin itu menjadi tumpuan harapan orang-orang yang dipimpin, namun adalah tidak wajar orang yang dipimpin menaruh harapan yang pemimpin akan menurut sahaja segenap kehendak dan keinginan orang-orang yang dipimpin.

“Sebab menurut ajaran agama, jika pemimpin akan selarah-larahnya menurut apa saja kehendak orang yang dipimpinnya maka yang sedemikian itu akan menyusahkan orang yang dipimpin itu sendiri,” tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Peringatan mengenai hal itu, katanya, terkandung dalam ayat 7 Surah Al-Hujurat.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menjelaskan hubungan antara pemimpin dan orang yang dipimpin ini dalam ucapan alu-aluan di Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

**P**ELITA Brunei keluaran 13 Disember 1989, Jabatan Penerangan mengadakan Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan.

Pada waktu itu, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan berkata dalam bernegara dan berkerajaan dalam apa keadaan pun, pemimpin dengan yang dipimpin adalah diwajibkan berbaik-baik dan saling hormat-menghormati.

Mereka juga dikehendaki sentiasa mengambil berat akan kesusahan dan keselamatan orang yang dipimpin, bersopan-santun dan menaruh simpati kepada mereka.



*PARA peserta Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan yang tidak berkesempatan mengajukan masalah atau pandangan secara lisan, menyampaikannya secara bertulis.*

## Pedoman

“Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 159).

# Antara aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang tahun 2018

Foto: Jabatan Penerangan



*PROGRAM Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.*



*KUMPULAN INFOFOTO membawakan projek bertajuk "Permohonan Gambar Negatif Filem Lambat Diproses" muncul naib juara pada Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018 manakala pasukan kedua Jabatan Penerangan ke konvensyen tersebut ialah Kumpulan BERJASA.*



*PENGLIBATAN warga Penerangan semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.*



**PERSEMBAHAN PENTARAMA** sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 di Pentas Perayaan di keempat-empat daerah.



**PROGRAM Masyarakat Bermaklumat** diadakan di beberapa buah kampung untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berilmu.



**JERAYAWARA Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional** giat diadakan untuk memberi lebih kefahaman kepada orang ramai.



*TAKLIMAT bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di beberapa buah sekolah sepanjang tahun 2018.*



*JERAYAWARA Kenali ASEAN diadakan di beberapa buah sekolah untuk menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut di negara ini sebagai satu masyarakat ASEAN.*



*WARGA Penerangan bertugas semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1439H/2018M di Istana Nurul Iman.*



*SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan disambut dengan meriah.*



**PROGRAM** Awasi Anak Kitani giat diadakan di beberapa buah kampung untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa.



**ANTARA** aktiviti para peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018.



**KUKUHKAN** kerjasama di bidang penerangan di antara Malaysia dengan Brunei.



**PROGRAM** Sua Muka adalah salah satu aktiviti Jabatan Penerangan dalam usaha untuk meneruskan kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.



**PROGRAM Rakan Remaja Penerangan** diadakan di beberapa buah sekolah bagi menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.



**LAWATAN** para peserta Kursus Kepimpinan Sarjan Siri 01/2018 daripada Tentera Udara Diraja Brunei ke Jabatan Penerangan.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini**

NAMA	NAMA KURSUS/BENGGEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Mohamad Hisyam bin Idris	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	3-11 Disember 2018	Institut Perkhidmatan Awam
Nor Hanizah binti Haji Abd. Halim	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	3-11 Disember 2018	
Norhafilah binti Rosli	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	3-11 Disember 2018	
Salina binti Wahab	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	3-11 Disember 2018	
Musa bin Mohiddin	Kursus Penyampaian Berkesan	3-6 Disember 2018	
Awang Eddy Iswandi bin Haji Ismail	Kursus Penyampaian Berkesan	3-6 Disember 2018	
Mohd. Nurakram bin Noraini@ Bahrin	Kursus Penyampaian Berkesan	3-6 Disember 2018	
Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail	Kursus Penyampaian Berkesan	3-6 Disember 2018	
Awangu Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Kursus Penyampaian Berkesan	3-6 Disember 2018	

**JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN**

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mula menjual buku-buku terbitan berikut iaitu Himpunan Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan, Brunei Darussalam Negaraku dan juga buku daerah-daerah (Daerah Tutong dan Daerah Temburong).

Orang ramai bolehlah mendapatkan buku-buku berkenaan dari Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan dan juga Cawangan-cawangan Penerangan di setiap daerah.

Untuk makluman, waktu perniagaan penjualan buku-buku adalah seperti berikut:

Isnin hingga Khamis mulai pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari  
 2.00 petang hingga 3.00 petang  
 Sabtu mulai pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi



# جوانن بوکو ٢ تربیتن جابتن قنرغن

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

**DAPATKAN SEKARANG!**

**Waktu Perniagaan**  
 Isnin - Khamis  
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
 Sabtu  
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



**HIMPUNAN TITAH**

Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00



**HIMPUNAN SABDA**

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00



**KOMPILASI  
SABDA ANAKANDA  
2011-2016**

Harga  
\$3.50



**HALUAN**

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50



**BRUNEI DARUSSALAM  
NEGARAKU  
2015 - 2016**

Harga  
\$11.50



**TUTONG  
DISTRICT**

Harga  
\$3.50



**TEMBURONG  
DISTRICT**

**IBU PEJABAT  
JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,  
 JABATAN PERDANA MENTERI,  
 LAPANGAN TERBANG LAMA,  
 BERAKAS, BB3510,  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400  
 FAKS : 2382242**

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
 KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**CAWANGAN  
DAERAH TEMBURONG**

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
 KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
 BANGAR  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 5221342**

**CAWANGAN  
DAERAH TUTONG**

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
 DAERAH TUTONG, TA1314,  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 4220290**

**CAWANGAN  
DAERAH BELAIT**

PEJABAT PENERANGAN  
 SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
 KB4333, DAERAH BELAIT,  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 3224636**



InfoDeptBN



Layani ePaper  
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN**



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

**Tel: 2383400 Faks: 2382242**